

28 OCT 1997

Mahathir-Deepavali

LANGKAH JIMAT CERMAT TIDAK JEJAS SAMBUTAN PERAYAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah berjimat cermat sebagai salah satu jalan menghadapi cabaran ekonomi negara tidak menjejaskan rakyat untuk menyambut perayaan masing-masing dengan meriah.

Sambil mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu, Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana rakyat Malaysia masih dapat menyambut hari perayaan keagamaan mereka dengan sempurna walaupun negara sekarang menghadapi kerumitan ekonomi akibat kejatuhan nilai mata wang ringgit.

"Kuih-muih dan minuman masih dihidang dengan secukupnya untuk saudara-mara, sahabat-handai dan tetamu yang mengunjungi rumah kita."

Dr Mahathir berkata beliau percaya rakyat yang beragama Hindu akan merayakan Deepavali yang akan disambut Khamis ini dengan meriahnya seperti masa-masa lalu.

"Inilah kelebihan rakyat kita. Kita mampu menghadapi sebarang cabaran dengan penuh tanggungjawab dan disiplin," kata beliau dalam perutusan sempena perayaan Deepavali yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat beragama Hindu.

Dr Mahathir berkata rakyat sentiasa menghargai dan menyokong usaha kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada mereka dan negara.

Kata beliau, sebarang masalah yang timbul akan dihadapi bersama oleh rakyat yang percaya keutuhan dan kekuatan bangsa bergantung bulat kepada perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

"Sikap toleransi dan faham-memahami antara satu kaum dengan kaum yang lain telah membawa bangsa kita sentiasa bersatu-padu dan negara kita aman, stabil dan makmur," kata beliau.

Dr Mahathir berkata faktor inilah yang menyebabkan kemajuan dan kemakmuran negara sejak merdeka 40 tahun lalu hingga sekarang.

"Kerajaan amat berharap keadaan ini sentiasa dipelihara dan dipupuk," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata seperti perayaan keagamaan lain, sambutan Deepavali merupakan hari terbaik untuk mengukuhkan lagi persahabatan antara rakyat.

Katanya, budaya kunjung-mengunjungi ke rumah rakan yang diamalkan setiap kali menyambut perayaan masing-masing hendaklah diteruskan dan dipertingkatkan lagi.

"Saya percaya usaha murni kita untuk melahirkan masyarakat madani pada masa akan datang akan menemui kejayaan," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

ES NMO